

GPSB janji siap jambatan baru seperti dijadual

UM - 2 AUG 2003

PUTRAJAYA 1 Ogos — Kontraktor utama projek pembinaan jambatan baru menggantikan Tambak Johor, Gerbang Perdana Sdn. Bhd. (GPSB), hari ini memberikan komitmen penuh kepada Kerajaan Malaysia untuk menyiapkan projek itu tepat pada 31 Disember 2005 seperti yang dijanjikan.

Pengerusi GPSB, Tan Sri Razali Ismail berkata, syarikat itu akan memastikan projek berharga RM1.1 bilion itu akan menepati jadual dan konsep yang diilhamkan sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

“Kami amat berbangga kerana diberi peluang untuk membangunkan projek yang diilhamkan oleh Perdana Menteri sendiri dan kami akan memastikan segala idea dan konsep Dr. Mahathir akan direalisasikan dan siap dalam tempoh yang ditetapkan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis menandatangani kontrak antara Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan GPSB di Pejabat Perdana Menteri di sini hari ini.

JKR diwakili oleh Ketua Pengarah, Tan Sri Ir. Zaini Omar dan Timbalan Ketua Pengarahnya, Datuk Ng Chong Yuen manakala GPSB diwakili oleh Razali sendiri dan Pengarah Urusannya, Datuk Yahya A. Jalil.